



27 SEP, 2023

TNB terima RM10.4 bilion kos ICPT1H 2023

Utusan Malaysia, Malaysia



Page 1 of 2

TNB terima RM10.4 bilion kos ICPT 1H 2023

PETALING JAYA: Tenaga Nasional Berhad (TNB) dijangka mengalami pengurangan dalam terimaan Pelepasan Kos Tidak Seimbang (ICPT) berikutan harga sederhana arang batu.

Bagi tempoh enam bulan pertama tahun ini (1H 2023), TNB mengalami pemulihan kos ICPT sebanyak RM10.4 bilion.

Syarikat juga dijangka memperoleh semula RM4.7 bilion kos ICPT daripada kerajaan pada separuh kedua tahun ini.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Baharin Din berkata, pengurangan harga arang batu global, digabungkan dengan pendekatan proaktif TNB untuk meningkatkan kutipan hasil telah meletakkan prospek aliran tunai lebih baik kepada syarikat.

"Ini disokong oleh pinjaman RM6 bilion yang dijamin kera-



PENGURANGAN harga arang batu global membantu TNB meningkatkan hasil dan mengukuhkan aliran tunai. - GAMBAR HIASAN

jaan untuk menstabilkan industri tenaga. Faktor-faktor ini secara kolektif menyumbang

kepada pengukuhan aliran tunai TNB dan tahap pengedaran TNB pada separuh pertama 2023.

"Pengurusan berhemah kewangan TNB ini membolehkan syarikat memberi ganjaran kepada pemegang saham kami dengan dividen interim sebanyak 18 sen, yang merangkumi 49.4 peratus daripada Pelarasan Keuntungan Selepas Cukai dan Kepentingan Minoriti (PATA-MI)," katanya pada taklimat kepada penganalisis mengenai keputusan kewangan suku kedua Kumpulan.

Menurut Baharin, berdasarkan arah aliran harga bahan api semasa, TNB menganggarkan pemulihan kira-kira RM7.0 bilion daripada ICPT bagi separuh pertama tahun kewangan 2024.

Perspektif masa hadapan itu mencerminkan pendekatan proaktif TNB dalam mengurus prospek kewangannya dan mengawal perbelanjaan berkaitan bahan api.

Mengulas prestasi TNB pada separuh pertama tahun berakhir 30 Jun 2023, Baharin berkata, walaupun menghadapi cabaran yang berpunca margin negatif bahan api negatif dan turun naik pertukaran asing, TNB melaporkan prestasi membanggakan dalam persekitaran yang mendesak.

"Dalam tempoh itu, TNB melaporkan keuntungan selepas cukai (PAT) sebanyak RM1.20 bilion, manakala hasil menyakikan peningkatan 3.8 peratus kepada RM25.95 bilion, berbanding tempoh yang sama pada 2022.

"Keupayaan TNB untuk mengharungi keadaan mencabar sebegitu dan mencatat pencapaian kewangan sedemikian penting, menonjolkan daya tahan dan wawasan strategiknya dalam sektor tenaga," katanya.